

21/02/2004

Pelabur yakin tenaga mahir tempatan

KOTA SAMARAHAN: Malaysia akan terus menjadi destinasi pilihan pelabur asing untuk menanam modal dalam pelbagai sektor kerana ramai tenaga kerja mahir dan berpengetahuan di kalangan anak tempatan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, negara mampu melahirkan ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi berikutan usaha kerajaan menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna untuk rakyat.

"Malaysia terpaksa bersaing dengan China, di mana kos buruh mereka murah berbanding negara lain di Asia. Bagaimanapun, kita tetap menjadi pilihan kerana barangan keluaran kita bermutu tinggi.

"Malah, pelabur juga yakin barangan keluaran Malaysia memenuhi cita rasa pembeli dan kehendak pasaran di seluruh dunia," katanya merasmikan Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Samarahan, di sini, semalam.

Dibina dengan kos RM14 juta, sekolah itu mempunyai 24 bilik darjah yang menempatkan 793 pelajar dari Tingkatan Satu hingga lima dengan 40 guru. Hadir sama Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Abdullah berkata, Malaysia akan terus menghasilkan produk bermutu dan berdaya saing di pasaran global menggunakan segala kepakaran dan teknologi yang dimiliki anak tempatan.

"Kita sudah membuktikan kemampuan kepada dunia betapa hebatnya produk keluaran tempatan. Bagi mengekalkan pencapaian ini, saya mahu anak tempatan memperkayakan diri mereka dengan pengetahuan teknologi maklumat," katanya.

Perdana Menteri berkata, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sudah menemui beliau dan memberikan penjelasan berhubung pertemuannya dengan pengurus dana di Kuala Lumpur, kelmarin.

"Beliau memaklumkan kepada saya, semua pengurus dana, termasuk pelabur asing menunjukkan keyakinan mereka terhadap pertumbuhan ekonomi negara ini, selain pengalaman dan kemahiran pekerja tempatan.

"Kata mereka, biarpun tidak semurah China, pekerja kita cukup terlatih dan berkemahiran. Inilah kekuatan dan aset utama kita," katanya.

Kelmarin, kalangan pengurus dana utama serantau dengan pengendalian pelaburan bernilai lebih AS\$100 bilion (RM380 bilion), melahirkan keyakinan terhadap Malaysia, yang menurut mereka, mempunyai daya saing lebih baik berbanding negara lain di rantau ini.

Kumpulan 21 pengurus dana itu, yang menemui Nor Mohamed di Putrajaya berpendapat, ekonomi Malaysia terus berkembang pesat jika ia mengguna pakai strategi yang sesuai.

Abdullah berkata, kerajaan mahu bidang pengurusan sumber manusia diperluaskan, lebih-lebih lagi dengan langkah kerajaan membenarkan lebih banyak universiti atau kolej asing membuka cawangannya di Malaysia.

"Ini boleh membantu usaha kerajaan melahirkan lebih ramai pekerja mahir, sekali gus memastikan bekalan pekerja di kalangan anak tempatan mencukupi untuk menampung permintaan," katanya.

Katanya, Malaysia memerlukan tenaga berpengetahuan luas dan mampu menghasilkan pelbagai jenis barangan yang menepati piawaian antarabangsa.

"Ia secara tidak langsung dapat merealisasikan Wawasan 2020 yang diilhamkan Tun Dr Mahathir Mohamad. Inilah yang dinamakan semangat Malaysia Boleh.

"Kita yakin Malaysia boleh mencapai status negara maju menjelang 2020,"

katanya.

Perdana Menteri turut mengajak ibu bapa supaya bersama kerajaan untuk mendidik anak mereka.

"Kalaupun tidak begitu pandai mengajar anak dalam subjek di sekolah tetapi didiklah anak supaya menjadi baik. Ini kerana negara bukan saja memerlukan pelajar bijak tetapi juga berdisiplin, cinta dan sanggup berkhidmat kepada kepada negara.

"Anak yang pandai, berdisiplin dan cintakan negara dapat memberikan sumbangan lebih kepada kemajuan negara," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan juga mahu menumpukan perhatian kepada pembangunan luar bandar.

"Kita tidak lupa kawasan luar bandar, kampung dan rumah panjang yang jauh di pedalaman, di hulu sungai dan saya hendak kawasan ini juga dibekalkan dengan kemudahan elektrik dan air bersih.

"Saya kalau boleh esok semuanya siap tetapi kita tidak boleh berbuat demikian...tetapi dalam hati kita ada niat, ada komitmen untuk bangunkan semua kawasan luar bandar termasuk di Sarawak," katanya.